



**DANA BERKAITAN-PELABURAN**  
**Laporan Prestasi Dana**  
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	1
Objektif Dana	2
Ulasan Pelaburan	
HLMT i-Balanced Fund	3 - 4
HLMT i-Income Fund	5 - 6
My Steady 10 Plan	7 - 8
HLMT i-Equity Fund	9 - 10
Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap	11 - 13
Tinjauan Pelaburan	14
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	15 - 18
Penyata Pendapatan dan Pelaburan	19 - 20
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	21 - 22
Nota-nota Kepada Maklumat Kewangan	23 - 31
Penyata Pengurus	32
Laporan Juruaudit Bebas	33 - 34

## UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kepada semua pemegang polisi yang dihargai,

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi dana Hong Leong MSIG Takaful Berhad (“HLM Takaful”) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015. Kami berharap laporan ini berguna dalam membantu anda membuat keputusan pelaburan yang selaras dengan matlamat kewangan anda di masa hadapan.

Tahun kewangan ini menampakkan pasaran Malaysia yang agak mencabar, dengan Indeks FBM Syariah menyusut sejumlah 1,178 mata pada akhir tahun kewangan. Sungguhpun prestasi pasaran saham tahun semasa tidak menggalakkan, namun kami dengan sukacitanya mengumumkan bahawa bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015, tiga daripada Dana Berkaitan-Pelaburan kami iaitu HLMT i-Income Fund, HLMT i-Balanced Fund, dan MY Steady 10 Plan telah mencatatkan pertumbuhan dalam nilai aset bersih seunit, di mana HLMT i-Income Fund dan HLMT i-Balanced Fund telah mencatatkan pertumbuhan pulangan tahunan purata yang lebih tinggi daripada penanda arasnya. Manakala HLMT i-Equity Fund, walaupun mencatatkan pertumbuhan negatif dalam nilai aset bersih, ianya masih tetap melebihi penanda arasnya. Anda boleh mendapatkan laporan terperinci di dalam bahagian ulasan pelaburan di muka surat 3 hingga 13.

Melangkah ke masa hadapan, kami akan terus berusaha ke arah meningkatkan tahap kehidupan anda dengan memenuhi keperluan perlindungan dan pelaburan anda. Tahun kewangan 2015/2016 merupakan tempoh yang menarik untuk HLM Takaful selaras dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan strategi dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan kami. Bagi pihak HLM Takaful, saya mengucapkan terima kasih kerana memilih HLM Takaful sebagai Takaful pilihan anda. Kami amat berbangga kerana anda adalah pelanggan kami dan kami akan terus meningkatkan perkhidmatan kami dan bersama-sama membentuk kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

**Wan Mohd Fadzlullah bin Wan Abdullah**

Ketua Pegawai Eksekutif

## OBJKTIF DANA

HLMT i-Balanced Fund bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui portfolio pelaburan pelbagai yang merangkumi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

HLMT i-Income Fund bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang terutamanya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana Pendapatan Tetap 10 Tahun tertutup yang patuh Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah prinsipalnya dilindungi sehingga matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

HLMT i-Equity Fund bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan di dalam sekuriti syarikat yang tersenarai dan patuh Syariah.

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND


Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak 2.95%, lebih tinggi daripada pulangan penanda aras sebanyak -3.58%. Ini disebabkan oleh pendekatan pelaburan yang konservatif, yang disebabkan saiz dana yang masih kecil dan perlunya melindungi modal ekoran tinjauan pasaran ekuiti yang mundur. Pada akhir tahun kewangan, 16.61% daripada nilai aset bersih telah dilaburkan dalam Aset Risiko Rendah, 46.53% dalam PDS Islam dan 24.10% dalam ekuiti patuh Syariah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan dikenakan kepada Dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

#### Pada 30 Jun 2015

#### Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



# DANA BERKAITAN-PELABURAN

## Laporan Prestasi Dana

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND (SAMBUNGAN)

<b>Prestasi Dana</b>					
	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
Jumlah NAB (RM)	6,023,480	5,886,028	5,654,806	5,901,259	4,122,989
Bilangan unit	4,791,451	4,820,202	4,802,939	5,174,837	3,667,155
NAB seunit (RM)	1.2571	1.2211	1.1774	1.1404	1.1243
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2598	1.1923	1.1795	1.1459	1.1243
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2144	1.1557	1.1414	1.1258	1.0488
Jumlah pulangan tahunan					
- Pertumbuhan modal	2.95%	2.51%	2.20%	1.98%	3.78%
- Pengagihan pendapatan	-	-	-	-	-
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	2.95%	2.51%	2.20%	1.98%	3.78%
- 3 tahun	4.23%	2.23%	2.65%	2.99%	3.01%
- 5 tahun	3.69%	3.50%	3.74%	3.68%	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50%FBM ESI+50%GIA)					
- 1 tahun	-3.58%	6.03%	7.23%	3.62%	9.82%
- 3 tahun	3.11%	5.61%	7.14%	7.71%	3.53%
- 5 tahun	4.69%	9.25%	10.25%	6.02%	n/a

<b>Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia	24.22	20.99	4.33	3.99	4.80
Sekuriti hutang Islam tidak disebutharga	63.75	64.68	58.46	62.93	70.10
Deposit dengan institusi kewangan	12.03	14.33	37.21	33.08	25.10
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

<b>Ekuiti dan komposisi dana amanah mengikut sektor</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
Perdagangan/Perkhidmatan	45.88	44.50	69.19	49.42	51.77
Barangan industri	11.73	17.31	4.26	7.54	10.88
Pertanian	2.89	3.96	-	-	-
Pembinaan	6.28	19.06	-	-	-
Hartanah	11.20	15.17	26.55	43.04	37.35
Perdagangan/Perkhidmatan	11.57	-	-	-	-
Barangan industri	10.45	-	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

<b>Komposisi sekuriti hutang Islam tidak disebutharga mengikut sektor</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>	<b>2011</b>
Kerajaan	-	-	15.16	44.08	40.74
Agensi Kerajaan	-	-	-	12.82	-
Barangan Pengguna	-	-	-	-	20.10
Kewangan	92.11	92.16	75.74	43.10	39.16
Pembinaan	7.89	7.84	9.10	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND


Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak 5.91%, lebih rendah daripada pulangan penanda aras sebanyak 0.04%. Ini disebabkan oleh pendekatan pelaburan konservatif, yang diambil disebabkan oleh saiz dana yang masih kecil. Pada akhir tahun kewangan, dana telah dilaburkan dalam PDS Islam.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan dikenakan kepada Dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

**Pada 30 Jun 2015**

**Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan**



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND (SAMBUNGAN)

Prestasi Dana					
	2015	2014	2013	2012	2011
Jumlah NAB (RM)	3,119,674	2,958,923	2,959,334	2,941,932	2,727,771
Bilangan unit	2,263,055	2,273,146	2,335,896	2,419,754	2,308,030
NAB seunit (RM)	1.3785	1.3017	1.2669	1.2158	1.1819
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3785	2.5717	1.2826	1.2171	1.1819
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3103	1.2465	1.2208	1.1861	1.0949
Jumlah pulangan tahunan					
- Pertumbuhan modal	5.91%	1.59%	3.38%	2.78%	4.27%
- Pengagihan pendapatan	-	-	-	-	-
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	5.91%	1.59%	3.38%	2.78%	4.27%
- 3 tahun	5.53%	2.58%	3.47%	4.09%	4.26%
- 5 tahun	4.72%	4.02%	5.24%	5.22%	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20%FBM ESI+80%GIA)					
- 1 tahun	0.04%	4.13%	4.43%	3.01%	3.90%
- 3 tahun	2.85%	3.85%	4.37%	4.48%	1.43%
- 5 tahun	3.44%	5.79%	6.00%	4.53%	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2015	2014	2013	2012	2011
Sekuriti hutang Islam tidak disebutharga	100.00	100.00	85.05	72.18	90.24
Deposit dengan institusi kewangan	-	-	14.95	27.82	9.76
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Komposisi sekuriti hutang Islam tidak disebutharga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2015	2014	2013	2012	2011
Kerajaan	-	-	-	25.73	21.01
Agensi Kerajaan	14.98	16.93	-	4.91	-
Telekomunikasi	-	9.02	36.25	49.48	41.73
Perdagangan & Perkhidmatan	-	-	-	-	-
Infrastruktur	-	-	21.65	-	-
Barangan Pengguna	-	-	-	-	20.58
Kewangan	72.68	74.05	42.10	19.88	16.68
Pengangkutan	12.34	-	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN


My Steady 10 Plan merupakan satu dana Pendapatan Tetap Berjangka 10 Tahun yang juga patuh Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah prinsipalnya dilindungi sehingga matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

Tiada sebarang caj dikenakan terhadap dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

#### Pada 30 Jun 2015

#### Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN (SAMBUNGAN)

	Prestasi Dana				
	2015	2014	2013	2012	2011 11 bulan
Jumlah NAB (RM)	3,565,052	3,607,499	3,553,868	3,643,228	3,520,910
Bilangan unit	3,012,776	3,220,960	3,240,600	3,338,800	3,509,668
NAB seunit (RM)	1.1833	1.1200	1.0967	1.0912	1.0032
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2541	1.1210	1.1390	1.0912	1.0032
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1556	1.0858	1.0864	1.0032	1.0000
Jumlah pulangan tahunan					
- Pertumbuhan modal	5.62%	2.07%	9.08%	0.00%	0.30%
- Pengagihan pendapatan	-	-	-	-	-
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	5.62%	2.07%	9.08%	0.00%	0.30%
- 3 tahun	5.76%	3.65%	n/a	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20%FBM ESI+80%GIA)					
- 1 tahun	2.91%	3.46%	3.15%	3.20%	2.78%
- 3 tahun	3.17%	3.27%	n/a	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2015	2014	2013	2012	2011
Pelaburan berstruktur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND


Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak -2.71% yang walaupun merupakan pengurangan, namun berjaya mengatasi kejatuhan penanda aras FBM Syariah pada 6.6%. Pada akhir tahun kewangan, 45.36% daripada nilai aset bersih telah dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah ekoran tinjauan pasaran ekuiti yang mundur.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% telah dicajkan kepada Dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

#### Pada 30 Jun 2015

#### Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND (SAMBUNGAN)

Prestasi Dana			
	2015	2014	2013 10 bulan
Jumlah NAB (RM)	2,807,926	1,934,272	1,303,459
Bilangan unit	2,443,388	1,638,151	1,205,476
NAB seunit (RM)	1.1492	1.1808	1.0813
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1960	1.1232	1.0813
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1488	1.0156	1.0004
Jumlah pulangan 10 bulan dana			
- Pertumbuhan modal	-2.71%	8.09%	7.97%
- Pengagihan pendapatan			-
Purata pulangan tahunan - Dana			
- 1 tahun/10 bulan	-2.71%	8.09%	7.97%
- 3 tahun	n/a	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (80%FBM ESI+20%GIA)			
- 1 tahun/10 bulan	-6.66%	7.24%	7.16%
- 3 tahun	n/a	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan			
	Wajaran %		
	2015	2014	2013
Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia	62.53	61.91	69.02
Deposit dengan institusi kewangan	37.47	38.09	30.98
	100.00	100.00	100.00

Ekuiti dan komposisi dana amanah mengikut sektor			
	Wajaran %		
	2015	2014	2013
Perdagangan/Perkhidmatan	66.99	65.42	82.35
Hartanah	11.49	10.84	-
Pembinaan	7.33	8.37	-
Infrastruktur	4.21	5.09	6.09
Pertanian	4.76	10.28	11.56
Barangan Pengguna	5.22	-	-
	100.00	100.00	100.00

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Ekuiti

Indeks FBM Syariah (1 Julai 2014 – 30 Jun 2015)



Sumber: Bloomberg

Bagi tempoh kewangan di bawah tinjauan, haluan pasaran ekuiti global telah ditentukan oleh spekulasi jangka masa pemulihan dasar-dasar monetari Rizab Persekutuan AS (FED) yang tidak memiliki sebarang duluan. Keadaan ini dikompaunkan pula oleh dasar-dasar monetari Jepun dan Zon Euro yang mencapah dan bertentangan haluan, di mana kadar-kadar dikenekalkan pada tahap menghampiri sifar manakala sistem kewangan dibanjiri dengan likuiditi. Sementara itu, munculnya kecanggahan pemulihan ekonomi terutamanya di Zon Euro dan China yang telah meningkatkan ketidaktentuan pasaran.

Di Malaysia, setakat tarikh terkini, indeks FBMKLCI telah mencatatkan prestasi terburuk di kalangan indeks sejawat serantau berbanding dengan Dolar Amerika. Seiring dengan prestasi indeks FBMKLCI, indeks FBM Syariah jatuh 1,178 mata dan tutup pada 12,208.85 mata pada akhir tahun kewangan. Pada mulanya, prestasi indeks Syariah amat menggalakkan, dengan catatan rekod 13,515.17 mata pada awal Julai 2014 akibat suntikan modal berbalik ke ekonomi negara memuncul disebabkan oleh pertumbuhan yang lemah di dalam ekonomi negara maju serta kenaikan 25 bps di dalam kadar polisi semalam (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Walau bagaimanapun, prestasi ini tidak kekal apabila bursa tempatan terjejas akibat penjualan asing yang disebabkan oleh risiko geopolitikal akibat tragedi MH17. Kejadian ini menyebabkan Rusia dikenakan sekatan, dan seterusnya diburukkan lagi apabila AS melancarkan serangan udara terhadap ISIS di Syria. Sentimen pelabur-pelabur tempatan juga lemah seiring dengan kekurangan peluang-peluang baru diikuti oleh satu lagi laporan perolehan korporat yang menghamparkan pada Ogos 2014.

Menuju ke suku kedua tahun kewangan, penambahbaikan akaun hujung tahun yang dinanti-nantikan tidak menjadi kenyataan. Indeks Syariah berserta pasaran-pasaran global menyusut dalam keadaan cemas disebabkan oleh faktor-faktor berikut: 1) penurunan berterusan harga minyak di bawah paras AS\$55/setong 2) pemberhentian kemudahan kuantitatif 3) kekuatan dolar AS 4) kegagapan pemulihan ekonomi global yang timbul daripada kebimbangan deflasi yang semakin meningkat di Eropah dan Jepun akibat penurunan unjuruan pertumbuhan ekonomi dunia oleh Tabung Kewangan Antarabangsa daripada 4% kepada 3.8% pada tahun 2015. Meskipun terdapat sokongan dana-dana tempatan, aliran keluar dana-dana asing daripada pasaran tempatan mempengaruhi kejatuhan indeks dan menyebabkan Ringgit jatuh ke RM3.50 berbanding dengan Dolar AS.

## ULASAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

### Pasaran Ekuiti (Sambungan)

Sentimen para pelabur bertambah baik pada awal 2015 apabila Bank Pusat Eropah (ECB) mengumumkan program kemudahan kuantitatif AS\$1 trilion bagi pembelian bon. Kenyataan-kenyataan positif daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Negara-negara Pengekspor Petroleum (OPEC) bahawa harga minyak telah mencapai tahap terendahnya, dan mungkin meningkat lebih tinggi juga membantu sentimen ekonomi Malaysia yang banyak bergantung kepada perolehan berkaitan minyak. Di Malaysia, Perdana Menteri kita telah mengumumkan Bajet yang disemak semula bagi tahun 2015 selaras dengan andaian harga minyak mentah purata brent iaitu daripada AS\$105/setong kepada AS\$55/setong.

Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak dapat dikekalkan akibat kemunduran perolehan korporat yang berlanjut. Sentimen para pelabur pula jatuh apabila Agensi Penarafan Fitch memberi penegasan akan kemungkinan penurunan dalam penarafan kredit Malaysia, meskipun langkah-langkah rasionalisasi subsidi berterusan yang diambil oleh kerajaan menerusi sistem "float terurus" untuk harga minyak dan juga pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada bulan April 2015.

Pada suku terakhir tahun kewangan, indeks FBMS telah sedikit sebanyak memperolehi momentum dengan pencapaian 13,353.55 mata pada 24 April akibat pengukuhan Ringgit dan peningkatan harga minyak. Namun sekali lagi peningkatan ini disebat dan indeks jatuh serendah 12,159.33 mata disebabkan oleh ketidaktentuan politik negara dan pendedahan media berkaitan dakwaan salah urusan 1MDB. Oleh itu, pembentangan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) gagal menarik minat para pelabur kerana secara amnya mereka mengamalkan langkah berjaga-jaga.

Selain daripada Malaysia, Asia secara amnya menghadapi cabaran dalam pasaran kewangan bagi tahun semasa. Rupiah Indonesia menyusut ketara berbanding dolar AS manakala kelewatan dalam pelaksanaan infrastruktur menjatuhkan sentimen para pelabur. Pasaran Thailand juga terjejas akibat isu-isu politik tempatan seiring dengan penguasaan kerajaan tentera yang mengakibatkan banyak suntikan pelaburan sama ada telah ditangguhkan atau dihentikan sementara kerana kekurangan dana.

Pada tahun semasa, kita juga telah menyaksikan ekonomi Hong Kong terjejas oleh bantahan-bantahan yang telah memberi kesan terhadap sektor penggunanya. Sementara pasaran ekuiti negara China menyaksikan lonjakan yang besar di mana indeks CSI300 mencapai penambahan nilai sebanyak 150% pada satu ketika sebelum mengakhiri tahun kewangan dengan keuntungan 96%. Pasaran China tidak menentu, diselang dengan oleh peningkatan dan kejatuhan dagangan yang ketara diikuti oleh pelaksanaan dasar-dasar yang tidak teratur. Oleh itu, bank pusat mengumumkan pembaharuan mesra pasaran dalam usaha menyekat sebarang penurunan yang mendadak dalam pasaran saham yang boleh mengancam pertumbuhan ekonomi dan seterusnya menyebabkan kehilangan keyakinan terhadap kerajaan.

## ULASAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

### Pasaran Pendapatan Tetap

Pasaran bon Malaysia mengalami ketidaktentuan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau. Pada separuh pertama tahun kewangan, Instrumen Islam Kerajaan (GII) mengalami kemunduran yang ketara seiring dengan prestasi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berikutan jualan besar-besaran luar pesisir yang timbul daripada amalan “risk-off”. Masalah pertumbuhan perlahan yang dialami oleh Zon Euro, China dan Jepun secara berlanjutan mengakibatkan pasaran baru muncul termasuk Malaysia, terjejas disebabkan oleh penurunan harga minyak yang mendadak, pengukuhan dolar AS, peningkatan data AS, serta kelebihan Perbendaharaan AS (UST).

Manakala di pasaran tempatan, pada Julai 2014, BNM telah menaikkan OPR buat sekali kepada 3.25% daripada 3.00% yang merupakan perubahan OPR pertama sejak Julai 2011, perubahan ini turut menyumbang kepada kenaikan jangka pendek kadar hasil MGS ekoran para pelabur yang telah memanjangkan tempoh portfolio mereka. Penjualan besar-besaran MGS, terutamanya pada bulan Ogos 2014 telah menyebabkan turun-naik penyebaran MGS 10 tahun melonjak kepada 52.5 mata asas, menyebabkan peratusan pegangan asing MGS jatuh daripada 48.4% pada Julai 2014 hingga 45.9% pada Disember 2014.

Menuju ke tahun 2015, pasaran bon global negara-negara bangkit berikutan beberapa siri kemudahan monetari oleh bank-bank pusat dunia selaras dengan pengumuman kemudahan kuantitatif ECB pada Januari 2015. Walau bagaimanapun, peningkatan ini jatuh pada suku terakhir tahun kewangan, sekaligus memadamkan segala keuntungan sebelumnya. Pengunduran bon secara global ini didahului oleh Bund Jerman 10 tahun, yang tutup pada 1.00%, bermula serendah 0.10% dalam masa dua bulan, di mana kekhawatiran deflasi reda berikutan pengumuman Presiden ECB Mario Draghi di mana beliau meningkatkan tinjauan inflasi tahun semasa kepada 0.3 % daripada 0% berikutan tinjauan pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat.

Walau bagaimanapun, pasaran bon kerajaan Asia masih disokong oleh sumbangan para pelabur asing. Minat terhadap MGS kekal kukuh dengan pegangan asing meningkat sekali lagi kepada RM166.8 bilion atau 48.5% pada akhir bulan Jun 2015; walaupun Ringgit mengalami tekanan disebabkan oleh kenaikan kadar FED yang dijangkakan serta dikompaunkan lagi oleh cabaran-cabaran politik dan ekonomi tempatan yang berlanjutan. Oleh itu, Ringgit mengalami susut nilai sebanyak 20% berbanding Dolar AS sejak permulaan tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pemilikan asing MGS yang stabil menunjukkan bahawa para pelabur asing kebanyakannya diwakili oleh dana-dana negara yang kurang peka kepada pertimbangan kadar pertukaran. Kelebihan likuiditi dan kekurangan sumber utama di Malaysia terus menyumbang terhadap hasil yang rendah.

Bagi penerbitan utama bon korporat, para pelabur menghala ke arah sektor perbankan dan kuasa dengan harapan meningkatkan hasil. Walaupun kebanyakan bank-bank pusat Asia melonggarkan dasar kewangan mereka, BNM terus mengekalkan kadarnya stabil pada 3.25% pada separuh kedua tahun kewangan. Sementara itu, tahun kewangan mencapai kesimpulan yang positif apabila Agensi Penarafan Fitch telah mengesahkan semula penarafan negara manakala tinjauan pula diubah daripada ‘Negatif’ kepada ‘Stabil’, pengubahan ini dialu-alukan memandangkan penarafan negatif negara sebelum ini telah mempengaruhi sentimen para pelabur sejak awal 2015.

## TINJAUAN PELABURAN

Bagi tinjauan masa depan, kami terus menjangkakan tahun yang mencabar bagi pasaran yang akan terus dipengaruhi oleh kejadian-kejadian luaran dan tempatan. Tumpuan utama akan diberikan kepada kenaikan kadar pertama FED yang dijangkakan akan berlaku pada bulan September. Namun, kadar kenaikan seterusnya juga penting untuk dipertimbangkan kerana ianya pasti mempengaruhi kebanyakan instrumen kewangan, terutamanya pendapatan tetap, mata wang dan juga ekuiti, di mana ianya telah menerima manfaat daripada kadar rendah yang berlanjutan sejak Krisis Kewangan Tahun 2008.

Sementara itu, peristiwa politik luaran seperti kebuntuan dalam perbincangan jaminan kewangan Greece yang mungkin menyebabkan negara tersebut terkeluar daripada Zon Euro akan terus mempengaruhi sentimen para pelabur. Ketidakpastian terhadap Kesatuan Eropah daripada sudut ekonomi dan politik masih kekal. Satu lagi aspek yang harus dipertimbangkan ialah prestasi pasaran ekuiti China ekoran pergerakan bursa tempatannya yang tidak menentu dan seterusnya menjelaskan prestasi pasaran Asia Utara yang lain terutamanya Hong Kong. Menuju ke separuh kedua tahun 2015, kami menjangkakan ketidaktentuan ini akan berterusan walaupun pembaharuan yang lebih mesra pasaran telah diperkenalkan, akibat daripada percanggahan data makroekonomi pelbagai dan pendapatan korporat yang rendah, manakala pasaran ekuiti pula akan mengalami proses pelarasan hutang disebabkan oleh pembubaran akaun-akaun margin.

Bagi pasaran tempatan pula, ekoran penarafan positif Fitch, pemangkin utama bagi penarafan semula indeks Syariah domestik merupakan pertumbuhan pendapatan dan penstabilan harga minyak. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa pendek, kami menjangkakan pendapatan korporat suku tahun 2 dan 3 bagi tahun 2015 akan kekal rendah akibat kelemahan sentimen pengguna berikutan pelaksanaan GST pada April 2015. Malaysia mungkin juga menghadapi cabaran seterusnya disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi dan permintaan lemah bagi pengeksportan gas asli cecair dan barang perlindungan.

Oleh itu, kami akan terus mengamalkan pendirian yang berjaga-jaga dan berhemah, dengan mengambil kira sebarang halangan yang ketara sebagai satu peluang untuk mengukuhkan portfolio kami bagi jangka masa panjang. Tumpuan utama kami kekal kepada syarikat-syarikat yang menawarkan potensi pertumbuhan perolehan walaupun buat masa ini pendapatan korporat agak lemah. Kami juga lebih tertumpu kepada syarikat-syarikat yang menghasilkan pendapatan serta pulangan dividen yang stabil. Oleh itu, kami lebih memihak kepada sektor-sektor seperti pembinaan dan perladangan. Sektor pembinaan dijangka akan terus memanfaat daripada pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama manakala sektor perladangan akan lebih menarik minat sekiranya terdapat tanda-tanda awal pengeluaran yang stabil dan perkembangan gejala El Nino. Kami juga memihak kepada para pengeksport yang menerima ganjaran disebabkan kelemahan mata wang Ringgit.

Bagi tinjauan pendapatan tetap pula, perubahan arah aliran modal dan penurunan dalam pegangan asing MGS dijangka akan terus mempengaruhi sentimen para pelabur walaupun Fitch menaik-tarafkan tinjauan Malaysia. Para peserta pasaran bon tempatan dijangka akan mengalihkan tumpuan mereka kepada perkembangan luar yang kebesaran mungkin akan mengurangkan daya tarikan MGS seperti lanjutan risiko peningkatan hasil UST menerusi pelarasan kadar dan penukaran haluan dasar kewangan di Amerika Syarikat berbanding dengan pasaran Asia.

## MAKLUMAT KEWANGAN

### PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2015

	Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>ASET</b>					
Pelaburan:					
Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia	3	1,451,590	-	-	1,273,613
Sekuriti hutang Islam tidak disebutharga	3	3,803,181	3,400,457	-	-
Pelaburan berstruktur	3	-	-	4,233,627	-
Keuntungan terakru		18,219	19,002	-	-
Deposit dengan institusi kewangan		721,122	-	-	763,130
<b>Jumlah pelaburan</b>		<b>5,994,112</b>	<b>3,419,459</b>	<b>4,233,627</b>	<b>2,036,743</b>
Lain-lain aset					
Aset cukai tertunda		-	-	-	-
Pelaburan belum terima		6,024	-	-	800
Lain-lain belum terima		-	-	-	526,613
Tunai dan setara tunai		363,919	-	-	252,430
<b>Jumlah lain-lain aset</b>		<b>369,943</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>779,843</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>6,364,055</b>	<b>3,419,459</b>	<b>4,233,627</b>	<b>2,816,586</b>

## PENYATA ASET DAN LIABILITI

**PADA 30 JUN 2015 (SAMBUNGAN)**

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>LIABILITI</b>				
Liabiliti cukai tertunda	7,812	2,321	49,571	4,060
Peruntukan bagi cukai	16,391	12,000	-	4,600
Lain-lain perlu bayar	316,372	285,464	619,003	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>340,575</b>	<b>299,785</b>	<b>668,574</b>	<b>8,660</b>
<b>ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL</b>	<b>6,023,480</b>	<b>3,119,674</b>	<b>3,565,052</b>	<b>2,807,926</b>
<b>DIWAKILI OLEH</b>				
Nilai unit	7,621,410	2,330,444	2,938,979	2,992,734
(Kerugian)/pendapatan tidak diagih dihantar ke hadapan	(1,597,930)	789,230	626,073	(184,808)
	6,023,480	3,119,674	3,565,052	2,807,926
Nilai aset bersih hak pemegang sijil seunit	1.2571	1.3785	1.1833	1.1492

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini.*

## PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2014

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>ASET</b>				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia	1,227,434	-	-	1,124,972
Sekuriti hutang Islam tidak disebutharga	3,764,508	2,943,426	-	-
Pelaburan berstruktur	-	-	4,023,653	-
Keuntungan terakru	18,219	17,995	-	-
Deposit dengan institusi kewangan	838,000	-	-	692,000
<b>Jumlah pelaburan</b>	<b>5,848,161</b>	<b>2,961,421</b>	<b>4,023,653</b>	<b>1,816,972</b>
Lain-lain aset				
Aset cukai tertunda	-	800	-	-
Pelaburan belum terima	19,285	17,995	-	2,054
Lain-lain belum terima	-	-	-	82,525
Tunai dan setara tunai	244,199	183,348	-	47,953
<b>Jumlah lain-lain aset</b>	<b>263,484</b>	<b>202,143</b>	<b>-</b>	<b>132,532</b>
